

Polis perlu ambil tindakan penceramah fitnah PM .

UM 30 JUL 2002

BUTTERWORTH 29 Julai — Polis perlu mengambil tindakan ke atas seorang penceramah Pas yang membuat fitnah kononnya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menonton video lucah bersama seorang cucunya.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi turut menyifatkan perbuatan bekas Ahli Parlimen Bachok, Bunyamin Yaacob yang membuat tuduhan itu sebagai sungguh biadap.

“Pada saya, itu satu tuduhan yang biadap,” tegasnya kepada para pemberita selepas melancarkan Program Perkongsian Bijak Dalam Bidang Peruncitan di Megamall Pinang, di sini hari ini.

Beliau memberitahu demikian sebagai mengulas petikan klip video penceramah Bunyamin Yaacob yang disiarkan menerusi Radio Televisyen Malaysia (RTM) sejak beberapa hari lalu.

Sambil melahirkan rasa kesal dengan perbuatan tersebut, Abdullah berkata, Pas begitu bersungguh-sungguh berusaha untuk menanam kebencian rakyat kepada Dr. Mahathir.

“Nampaknya mereka begitu bersungguh-sungguh hendakkan rakyat membenci Perdana Menteri. Tapi saya percaya rakyat jauh lebih ramai bilangannya, menyanyangi dan menghormati beliau,” ujarnya lagi.

Kata beliau, hanya go-

longan yang cemburu dan tidak suka kepada Perdana Menteri sahaja yang gemar membuat fitnah.

Mengenai tempoh pengampunan pekerja asing tanpa izin yang akan tamat lusa, Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, banyak majikan yang menghubungi Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk memberitahu masalah yang mereka hadapi berhubung tempoh pengampunan itu.

Sehubungan itu kata Abdullah, beliau telah mengarahkan Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri (KDN), Datuk Seri Aseh Che Mat untuk menghubungi kumpulan majikan terlibat bagi tujuan itu.

“KDN akan temui mereka untuk mengetahui masalah mereka dan Aseh akan memaklumkan kepada saya berhubung perkara itu,” katanya.

Mengenai laporan dua rakyat Malaysia yang telah dijatuhi hukuman denda oleh sebuah mahkamah di Australia kerana kesalahan mengendalikannya sindiket pengedaran cakera padat digital (DVD) cetak rompak di negara itu, Timbalan Perdana Menteri berkata, polis Malaysia telah diarah menghubungkan polis Australia bagi mendapatkan maklumat lanjut berhubung kes berkenaan.

Kata beliau, Pengarah Jabatan Siasatan Jena-

yah, Datuk Salleh Mat Som akan menghubungi pihak polis Australia untuk membantu polis Malaysia dalam hal ini.

“Kalau benar mereka rakyat Malaysia, polis perlu menahan mereka untuk siasatan lanjut,” kata beliau lagi.

Akhbar *Herald Sun* menyiarkan laporan bahawa polis Australia baru-baru ini menangkap dua rakyat Malaysia dan merampas 35,000 unit DVD cetak rompak daripada lebih 100 tajuk filem Hollywood.

Kedua-duanya Lynda Tan, 36, dan Samuel Lim, 44, dikenakan denda sebanyak RM41,600 oleh sebuah mahkamah di negara itu sebelum dihantar pulang ke Malaysia.